

Headline **Wong tamatkan tugas sebagai Yang Dipertua Dewan Negara**  
Date **13 Apr 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **9**  
Article Size **132 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,800**  
PRValue **8,400**



## Wong tamatkan tugas sebagai Yang Dipertua Dewan Negara

**K**UALA LUMPUR: Senator Datuk Wong Foon Meng semalam secara rasminya menamatkan tugas beliau sebagai Yang Dipertua Dewan Negara.

Wong berkata, pelantikan dan majlis angkat sumpah Yang Dipertua Dewan Negara baru akan dibuat pada hari pertama sidang dewan berkenaan, 26 April ini.

"Tempoh khidmat saya sebagai Yang Dipertua Dewan Negara berakhir hari ini (semalam). Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan membawa usul pelan-

tikan baru pada hari pertama sidang Dewan Negara," katanya selepas merasmikan Pameran Kesedaran HIV/Aids di bangunan Parlimen, di sini.

Turut hadir Timbalannya, Datuk Armani Mahiruddin; Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ronald Kiandee dan Presiden Majlis Aids Malaysia, Prof Dr Adeeba Kamarulzaman.

Wong dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara pada Jun tahun lalu menggantikan Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh.

Bekas Setiausaha Agung MCA itu berkata, beliau masih belum bercadang untuk bersara sepenuhnya daripada politik dan kini akan melakukan kerja kebajikan selain membantu parti dan Barisan Nasional (BN).

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz ketika ditemui di lobi Parlimen, berkata pihaknya sudah mengenal pasti pengganti Wong.

Tanpa menyebut nama individu berkenaan, Nazri turut menegaskan bahawa peng-



Wong Foon Meng

ganti Wong tidak semestinya Timbalan Dipertuanya.

"Nama sudah ada..., tunggu sehingga beliau angkat sumpah, nanti semua orang akan tahu siapa Yang Dipertua Dewan Negara yang baru," katanya.